

Hilang 3 ahli keluarga serentak

Berita Harian 9/8/2011 Ms 6.

Saudara baru sedih tak sempat berbuka puasa bersama, sambut Aidilfitri

SAIRIEN NAFIS | BERITA HARIAN



**Tragedi
Tanah
runtuh**

Oleh Jalal Ali Abdul Rahim,
Shamsul Kamal Amarudin
dan Nurhayati Abillah
bhnews@bharian.com.my

CAMERON HIGHLANDS: Ramadan dan Aidilfitri tahun ini tidak lagi bermakna bagi saudara baru, Sukainai Jaafar, yang memeluk Islam tiga tahun lalu selepas kehilangan tiga anggota keluarga serentak dalam kejadian tanah runtuh di Perkampungan Orang Asli Sungai Ruil, Tanah Rata di sini petang kelmarin.

Kemeriah Aidilfitri yang bakal diraikan buat kali ketiga tahun ini pasti tidak lagi meriah tanpa bapanya, Jaafar Balad, 49; ibu, Norma Gunung, 51, dan adik, Mohd Iqbal, 15, yang meninggal dunia akibat tertimbus dalam tragedi itu.

Beliau juga terkilang kerana tidak sempat berbuka puasa bersama keluarganya pada Ramadan kali ini selepas menikmati nikmat dan manfaat berpuasa serta berbuka bersama keluarga dua tahun lalu.

Ini kerana Sukainai hanya sempat bersahur bersama keluarga pada hari pertama Ramadan dan pulang ke Institut As Shifa di Taipung untuk mengikuti kursus Sains Persekitaran.

"Kini saya terpaksa tabahkan hati menerima kehilangan ayah, ibu dan adik bongsu," katanya dalam linangan air mata ketika ditemui di pekarangan Jabatan Forensik Hos-



SAADIA Yusop mendukung anaknya, Izran Sitip melintasi jalan berlitar belakang tanah runtuh di Perkampungan Orang Asli Sungai Ruil, Tanah Rata, semalam.

pital Sultanah Hajjah Kalsom, di sini semalam.

Kejadian itu bukan saja mengor-



*Kini saya terpaksa tabahkan
hati terima kehilangan ayah,
ibu dan adik bongsu*

Sukainai Jaafar
Saudara baru

bankan bapa ibu dan adiknya, malah iparnya, Yusnizan Yusof, 22 dan ketika ditanya perancangannya selepas ini, Sukainai berkata, beliau akan membawa kakaknya, Norfifa, 20, tinggal bersama ibu saudara mereka di Ipoh.

"Dua abang saya, Mohd Riduan, 30, dan Azhar, 26, mungkin akan menetap di kampung ini," katanya.

Jenazah keluarga Jaafar akan dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam Taman Sedia, di sini, sebaik urusan menuntut jenazah selesai.

Sementara itu, Sendiwara Mohd Ali, 27, iaitu anak kepada seorang lagi terbunuh, Ali Hassan, 50, berkata beliau dimaklumkan mengenai kejadian jam 10 pagi semalam dan ketika kejadian berlaku bapanya sedang tidur dalam rumah.

"Saya dimaklumkan, ayah baru pulang dari kerja dan akibat kepenatan dia tertidur. Jadi, dia tidak sempat melarikan diri sebaik rumah kami tertimbus. Kali terakhir saya bertemu ayah pada Oktober lalu," katanya.

PM ucap takziah keluarga mangsa

KUALA LUMPUR: Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak semalam mengucapkan takziah kepada keluarga mangsa tanah runtuh di perkampungan Orang Asli Sungai Ruil di Cameron Highlands, kelmarin.

Beliau urut menzahirkan rasa sedih dengan tragedi yang meragut tujuh nyawa termasuk empat wanita, demikian menurut kenyataan Pejabat Perdana Menteri semalam.

Dua lagi mangsa yang cedera parah dan sedang menerima rawatan lanjut di Hospital Raja Permaisuri Bainun di Ipoh.

Najib turut memuji kecekapan pasukan operasi mencari dan menyelamatkan yang mengambil masa lapan jam mengeluarkan mangsa.

Enam terbunuh daripada satu keluarga

CAMERON HIGHLANDS: Enam daripada tujuh mangsa yang terbunuh dalam kejadian tanah runtuh membabitkan enam rumah di Perkampungan Orang Asli Sungai Ruil, Tanah Rata, di sini, petang kelmarin, adalah daripada satu keluarga.

Mereka yang terbunuh ialah Jaafar Balad, 48; isterinya, Normah Gunung, 51; anaknya, Mohd Iqbal, 15; menantu, Yusnizan Yusof, 22; adik iparnya, Sara Gunung, 37 dan ibu mentua, Normadiah Lasik, 69.

Seorang lagi yang maut ialah adik Tok Batin Kampung Sungai Ruil, yang dikenali sebagai Ali Asan, 50.

Ketika kejadian, Jaafar, Normah, Mohd Iqbal dan Yusnizan berada dalam satu rumah manakala Normadiah dan Sara berada di rumah lain. Mat Ali pula dikatakan ter-

Cemas muka tertimbus dada ditindih batu: Bah

POH: "Saya ini umpama sudah mati hidup kembali," kata Bah Anjang Besar a/l Alang, 39, mangsa yang tertimbus dalam tragedi tanah runtuh di Perkampungan Orang Asli Sungai Ruil, Tanah Rata di Cameron Highlands, kelmarin.

Menceritakan detik cemas, Bah Anjang Besar berkata, sebaik sedar dari pengsan selepas terpelanting keluar dari rumah akibat dirempuh runtuhan, dia mendapati keadaan gelap gelita.

"Apabila tersedar, hanya mata kiri saya dapat dibuka, manakala mata kanan dipenuhi tanah dan pada ketika itu baru saya tahu diri saya tertimbus di dalam tanah.

"Saya cuba bangun, tetapi tidak berdaya kerana selain tangan kanan tidak boleh diangkat, dada pula ditindih batu. Saya menggunakan tangan kiri untuk mengorek tanah dan kira-kira hampir 10 minit kemudian baru saya dapat mengalihkan tanah yang menutupi muka.




BAH yang patah bahu kanan dan tulang punggung.

"Saya terus menjerit meminta tolong dan seorang rakan yang juga penduduk di situ kemudian menye-

LOKASI

Tanah runtuh di Perkampungan Orang Asli Sungai Ruil, Tanah Rata



latkan saya," katanya dengan nada lemah ketika ditemui di Wad 4A Hospital Raja Permaisuri Bainun (HRPB) di sini, semalam.

Difahamkan, ketika ditemui, Serry Priska memakai seluar panjang manakala tuala masih terlilit di tubuhnya dipercayai mangsa baru lepas mandi ketika kejadian.

Bah Anjang Besar yang bekerja di Kelab Golf Sultan Ahmad Shah berkata, ketika kejadian, dia menonton televisyen di ruang tamu dan isterinya, Zaitun Balad, 30, berada di dapur, manakala lima anak mereka berusia 7 hingga 18 tahun serta cucunya berusia dua tahun dihantar ke rumah nenek berdekatan.

pelanting akibat terkena rempuhan tanah runtuh itu dan maut.

Dua yang cedera parah iaitu Serry Prisila a/p Saari, 15, dan Bah Anjang a/l Alang, 39, turut terpelanting akibat kejadian itu.

Perkampungan Sungai Ruil didiami 138 orang daripada 96 keluarga adalah antara perkampungan Orang Asli tercantik di sini.

Ita dilengkapi pelbagai kemudahan asas termasuk asrama untuk penempatan pelajar Orang Asli dan terletak kira-kira 300 meter dari jalan raya utama Cameron Highlands.

Semua mangsa yang beragama Islam iaitu Jaafar, Mohd Iqbal, Normah dan Yusnizan dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam Taman Sedia Brinchang, petang semalam.

Sementara itu, tinjauan di kawasan puncak bukit di tempat kejadian mendapati tanah di situ begitu lembut dan apabila dipijak mengeluarkan air dan terdapat banyak pokok rebah dipercayai akibat hentaman kuat air.

Selain kawasan tempat kejadian, turut ditemui ialah dua kawasan yang terdapat kesan tanah runtuh yang terletak kira-kira 200 meter dari tempat berkenaan.